

3 penyamun ditembak dalam BMW

Oleh SHARKAWI LONDING

TANGKAK – Tidak sampai 48 jam selepas ketua mereka ditumpaskan di Kelantan, tiga lagi konco Geng Wani yang aktif menyamun pelanggan di bank ditembak mati oleh polis berdekatan persimpangan lampu isyarat Jalan Parit Bunga dekat sini semalam.

Dalam kejadian pada pukul 9.50 pagi itu, polis mendapat maklumat daripada orang ramai berkenaan sebuah kereta mewah BMW 3 Series yang dipandu dalam keadaan mencurigakan sebelum mengekornya.

Bagaimanapun, ketika sampai di simpang lampu isyarat Jalan Parit Bunga di sini suspek tiba-tiba melepaskan beberapa das tembakan ke arah polis.

Polis yang sempat berlindung membalas tembakan tersebut sebelum membuat pemerkasaan dan mendapati ketiga-tiga suspek terbabit mati di tempat duduk di dalam kereta BMW.

Ketua Polis Johor, Datuk Seri Wan Ahmad Najmuddin Mohd. berkata, polis masih meniasat identiti ketiga-tiga suspek yang berusia lingkungan 30 hingga 40-an itu berikutan tiada dokumen pengenalan diri ditemui.

Mereka bagaimanapun dipercayai warga asing.

Katanya, kerugian yang ditanggung mangsa sehingga kini mencecah lebih RM700,000 dengan kejadian terbaharu berlaku di Johor Bahru minggu lalu.

“Namun, kita percaya mereka merupakan penjenayah yang melakukan kegiatan samun dengan menasarkkan pelanggan bank yang baru mengeluarkan wang dalam amaun yang banyak.



WAN AHMAD NAJMUDDIN (kanan) melihat kereta BMW 3 Series yang digunakan tiga ahli Geng Wani selepas mereka mati ditembak di Jalan Parit Bunga, Tangkak semalam.



ANGGOTA polis mengusung mayat seorang daripada tiga suspek yang mati ditembak polis di Jalan Parit Bunga, Tangkak semalam.

Dua termasuk ketuanya maut ditembak polis

Geng Wani terlibat samun tumpas

KETUA Geng Wani dan dua orang lagi termasuk ketuanya maut ditembak polis di Jalan Parit Bunga, Tangkak semalam. Tiga lagi konco Geng Wani yang aktif menyamun pelanggan di bank ditembak mati oleh polis berdekatan persimpangan lampu isyarat Jalan Parit Bunga dekat sini semalam.

Dua termasuk ketuanya maut ditembak polis

Geng Wani terlibat samun tumpas

Polis mengesan kereta BMW 3 Series yang dipandu dalam keadaan mencurigakan sebelum mengekornya. Ketika sampai di simpang lampu isyarat Jalan Parit Bunga di sini suspek tiba-tiba melepaskan beberapa das tembakan ke arah polis. Polis yang sempat berlindung membalas tembakan tersebut sebelum membuat pemerkasaan dan mendapati ketiga-tiga suspek terbabit mati di tempat duduk di dalam kereta BMW.

Ketua Polis Johor, Datuk Seri Wan Ahmad Najmuddin Mohd. berkata, polis masih meniasat identiti ketiga-tiga suspek yang berusia lingkungan 30 hingga 40-an itu berikutan tiada dokumen pengenalan diri ditemui. Mereka bagaimanapun dipercayai warga asing. Katanya, kerugian yang ditanggung mangsa sehingga kini mencecah lebih RM700,000 dengan kejadian terbaharu berlaku di Johor Bahru minggu lalu.

“Namun, kita percaya mereka merupakan penjenayah yang melakukan kegiatan samun dengan menasarkkan pelanggan bank yang baru mengeluarkan wang dalam amaun yang banyak.

KERATAN *Kosmo!* semalam.

“Kita juga percaya dapat menyelesaikan 10 kes berkaitan samun menggunakan modus operandi terbabit di negeri ini dengan tumpasnya ahli rangkaian itu,” katanya pada sidang akhbar di lokasi kejadian di sini semalam.

Hadir sama ialah Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, Datuk Kamarul Zaman Mamat dan Ketua Polis Daerah, Superintendan Mohad Idris Samsuri.

Wan Ahmad Najmuddin berkata, polis turut menemui dua pucuk pistol berserta sebi-

lah parang yang dipercayai digunakan dalam aktiviti jenayah.

Polis juga sedang mengenal pasti status kenderaan jenis BMW 3 Series digunakan suspek yang dianggarkan berharga RM199,900.

“Polis masih terus melakukan siasatan bagi memastikan saki-baki rangkaian geng terbabit dapat dihapuskan di seluruh negeri ini.

“Saya juga ingin menasarkkan orang ramai yang berurusan di bank agar berhati-hati atau mengupah syarikat keselamatan bagi mengawal mereka terutamanya ketika mengeluarkan wang yang banyak contohnya untuk membayar gaji pekerja,” ujarnya.

Kosmo! semalam melaporkan polis Kelantan berjaya menembak mati Ketua Geng Wani yang berasal dari Palembang, Indonesia, Harwani, 47, bersama seorang ahlinya di Kota Bharu pada Selasa lalu.

INFO Geng Wani

- Dikenali dengan panggilan Geng Wani berikutan ketuanya bernama Harwani
- Kebanyakan ahlinya merupakan warga asing yang berasal dari Palembang, Indonesia
- Giat menjalankan samun dari Disember 2016 hingga Mei tahun ini membabitkan lapan kes di Kelantan manakala 10 kes di Johor
- Harwani maut selepas berbalas tembakan dengan Polis Kelantan di Jalan Salor Baru, Kota Bharu pada Selasa lalu
- Modus operandi kegiatan samun Geng Wani adalah menasarkkan mangsa yang mengeluarkan wang dengan jumlah banyak dari bank

INFO Kejadian tiga penyamun Geng Wani ditembak polis

